

Reformasi dalam kalangan penjawat awam demi perubahan, bendung rasuah

KUALA LUMPUR

- Reformasi dalam kalangan penjawat awam dan perkhidmatan awam perlu dilaksanakan bagi membolehkan negara terus maju dalam situasi negara berdepan dunia dilatari pergolakan, ketidakpastian, kerumitan dan kekaburan (VUCA).

Timbalan Pengarah, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Noor Mohamad Shakil Hameed berkata, reformasi serta perubahan amat perlu kerana situasi VUCA memerlukan sumber manusia yang lebih kreatif, efisien, berfikiran jauh dan berdaya tahan.

Katanya, reformasi dan perubahan berkenaan juga diperlukan bagi memenuhi ekspektasi tinggi masyarakat terhadap perkhidmatan cekap dan mudah dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Beliau yang juga pemerhati isu semasa dan pakar dalam bidang pentadbiran awam, berkata antara perkara yang boleh



NOOR MOHAMAD SHAKIL

dilakukan termasuk menyemak prosedur, polisi dan peraturan lapuk, kemas kini keperluan jabatan dan agensi bagi mengurangkan pertindihan tugas dan pembaziran sumber serta pendigitalan sektor awam.

"Seiring perkembangan tekno-

logi pesat kini menuntut penjawat awam melakukan reformasi dalam aspek pendigitalan perkhidmatan. Ia juga menuntut untuk segera tingkatkan kemahiran agar tidak ketinggalan dalam memberikan perkhidmatan lebih lancar dan efisien kepada rakyat," katanya ketika dihubungi pada Jumaat.

Noor Mohamad Shakil berkata, integriti penjawat awam juga perlu terus diperkasakan bagi memastikan mereka melaksanakan tugas dengan penuh amanah, sekali gus membendung gejala rasuah, penyelewengan, ketirisan dan salah guna kuasa dalam perkhidmatan awam.

Pada Selasa, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru agar penjawat



awam bersama-sama membawa perubahan bagi menyelamatkan negara ke arah pemuliharaan bagi membangunkan semula negara ke suatu tahap membanggakan yang pernah dicapai sebelum ini.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Adnan Mat berkata penjawat awam pasti akan memberikan komitmen penuh kepada Perdana Menteri untuk memastikan agenda perubahan dalam perkhidmatan awam dapat

direalisasikan.

Adnan berkata, Cuepacs memberi jaminan bahawa penjawat awam akan bertindak profesional dalam setiap tanggungjawab yang diamanahkan dengan memberi keutamaan kepada rakyat dan negara melebihi kepentingan lain.

Beliau juga berharap agar ahli Jemaah Menteri yang dilantik akan dapat melakukan reformasi yang baik berdasarkan prinsip kepimpinan melalui teladan.

"Oleh itu kita sebagai penjawat awam mengharapkan

Integriti penjawat awam juga perlu terus diperkasakan bagi memastikan mereka melaksanakan tugas dengan penuh amanah, sekali gus membendung gejala rasuah, penyelewengan, ketirisan dan salah guna kuasa dalam perkhidmatan awam.

komitmen sama daripada kepimpinan tertinggi kerajaan terutama daripada anggota Jemaah Menteri baharu.

"Agenda perubahan ini tidak tercapai sekiranya tiada kerjasama daripada penggubal dasar iaitu kerajaan yang memerintah," katanya.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, campur tangan politik juga perlu dielakkan dalam hal lantikan jawatan tertinggi kerana ia boleh menjejaskan operasi perkhidmatan awam sekiranya mereka yang dilantik itu tidak kompeten. - *Bernama*